

## Terma dan Syarat Kad Kredit WISE Hong Leong (Dipinda berkuat kuasa 1 Jun 2018)

Terma dan Syarat Kad Kredit WISE (“Kad Wise”) Hong Leong (“Terma & Syarat”) hendaklah dibaca bersama-sama Perjanjian Pemegang Kad (“Perjanjian”) Hong Leong Bank Berhad (“HLB”). Selain daripada variasi yang dinyatakan di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian akan berkuat kuasa. Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakselarasan di antara terma dan syarat Perjanjian dengan Terma & Syarat ini, maka Terma & Syarat ini akan diutamakan setakat mengenai percanggahan atau ketidakselarasan tersebut.

### 1. Program Pulangan Tunai (“Program”)

- (a) Pemegang Kad WISE (“Pemegang Kad”) akan menerima 10% pulangan tunai (“Pulangan Tunai”), tertakluk kepada Klausula 2 dan 3 terma dan syarat di dalam ini, dengan perbelanjaan minimum RM2,000 atas Transaksi Runcit Layak (sepertimana ditakrif dalam Klausula 3 (a) di dalam ini) yang dicatatkan dalam Penyata Pemegang Kad bagi Transaksi Runcit Layak yang dicaj kepada Kad WISE dan termasuk dalam kategori seperti tersebut di bawah:
- (i) Dua (2) Kategori Perbelanjaan seperti yang dipilih dan didaftarkan di bawah Program ini oleh Pemegang Kad mengikut Klausula 1 (b) di dalam ini; dan
  - (ii) Kategori Bonus seperti diterangkan dalam Klausula 1 (c) di dalam ini.
- (b) Pemegang Kad boleh mendaftarkan maksimum dua (2) Kategori Perbelanjaan (“Pendaftaran”) daripada pilihan-pilihan yang disediakan kepada Pemegang Kad seperti tersenarai dalam jadual di bawah atau seperti yang dimakumkan oleh HLB dari semasa ke semasa :

No.	Spend Categories	Merchants / Merchant Category Code (MCC)
1	Pharmacies	Guardian, Watsons, Caring and Eu Yan Sang outlets
2	Groceries	All grocery stores eg: Giant, Tesco, AEON Big (MCC 5411)
3	Petrol	Automated fuel dispensers at all petrol stations (MCC 5542)
4	Dining	All dining outlets (MCC 5811, 5812, 5814)
5	Departmental Stores	Parkson, AEON, Isetan, Metrojaya, Robinsons, Tangs, GAMA and Sogo outlets
6	Book Stores	MPH, Popular, Borders, Kinokuniya, Times, Smart and BookXcess stores
7	Utilities	Electricity and Water (MCC 4900)
8	Entertainment	All cinemas (MCC 7832), Ticket Charge, Ticketpro, Red Box and Neway
9	Travel	All airlines (MCC 3000-3299, 4511), hotels (MCC 3501-3999, 7011), tour packages (MCC 4722, 4723)

- (c) Semua Pemegang Kad akan didaftarkan secara automatik bagi Kategori Bonus seperti diterangkan di bawah:

No.	Bonus Category	Merchants / Merchant Category Code (MCC)
1	Mobile	Maxis, Celcom, Digi, U Mobile and YES

- (d) Semua Pendaftaran baharu pada masa permohonan Kad WISE tidak akan dikenakan sebarang bayaran dan berkuat kuasa apabila Kad WISE diluluskan.
- (e) Jika sekiranya Pendaftaran tidak dipilih oleh Pemegang Kad pada masa permohonan Kad WISE, sebarang Pendaftaran selepas kelulusan Kad WISE akan dianggap sebagai “Perubahan Pendaftaran” dan akan tertakluk kepada klausula 4 di dalam ini.

### 2. Kelayakan & Penyertaan

- (a) Untuk menyertai Program, syarat-syarat kelayakan berikut mestilah dipenuhi:
- (i) Akaun Kad WISE Pemegang Kad mestilah sah dan memiliki rekod yang baik, tidak mempunyai tunggakan bayaran dan Akaun Kad mestilah tidak ditutup atau ditamatkan sama ada oleh Pemegang Kad atau HLB; dan
  - (ii) Pemegang Kad mestilah tidak memungkiri mana-mana Terma & Syarat ini atau terma dan syarat Perjanjian.

- (b) Kelayakan akan dibatalkan bagi Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan di sisi undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas diadakan Program.

### 3. Terma dan Syarat Program

- (a) Istilah “Transaksi Runcit Layak” bermaksud sebarang transaksi belian runcit yang dibuat dalam dan luar negara, termasuk transaksi dalam talian yang dicaj kepada Kad WISE (Kad WISE Utama dan tambahan) tetapi TIDAK TERMASUK transaksi berikut:
- (i) transaksi tunai termasuk tetapi terhad kepada Pendahuluan Tunai, Cash-On-Call dan Pindahan Baki;
  - (ii) Transaksi Cash-On-Call;
  - (iii) fi dan caj termasuk tetapi tidak terhad kepada caj bagi pengeluaran tunai dan pembayaran tunai, yuran tahunan, caj faedah dan/atau kewangan, transaksi dipertikaikan, caj kerajaan dan apa-apa jenis caj dan penalti;
  - (iv) transaksi penukaran ansuran termasuk tetapi tidak terhad kepada Flexi Payment Plan;
  - (v) pindahan dana (daripada atau kepada akaun HLB sama ada oleh HLB atau pihak ketiga);
  - (vi) transaksi dipertikaikan yang kemudiannya dibalikkan daripada akaun Pemegang Kad;
  - (vii) semua transaksi berkaitan dengan kerajaan dan transaksi/ pembayaran online melalui HL Connect.
- (b) Pulangan Tunai akan dikira pada penghujung setiap bulan kalendar berdasarkan 10% jumlah Transaksi Runcit Layak bagi bulan berkenaan dan tidak terkumpul daripada bulan terdahulu. Pemberian Pulangan Tunai akan dibundarkan kepada Ringgit Malaysia yang terdekat. Jumlah Pulangan Tunai akan dikreditkan setiap bulan kepada akaun Pemegang Kad Utama dalam bulan berikutnya dan tertakluk kepada had maksimum Pulangan Tunai sebanyak RM100 sebulan, bagi setiap akaun. Kredit Pulangan Tunai boleh atau akan digunakan untuk menjelaskan sebarang tunggakan bayaran dalam akaun Kad WISE. Bagi mengelakkan keraguan, sebarang Pulangan Tunai untuk dibayar kepada Pemegang Kad akan dimasukkan dalam akaun Kad WISE pada 28hb bulan berikutnya dan ditunjukkan dalam Penyata Pemegang Kad. Jika sekiranya Pulangan Tunai untuk dibayar kepada Pemegang Kad jatuh pada atau selepas tarikh Penyata Pemegang Kad, maka Pulangan Tunai itu hanya akan ditunjukkan dalam Penyata Pemegang Kad dalam bulan berikutnya.
- (c) Pulangan Tunai diberikan kepada Pemegang Kad berdasarkan jumlah catatan amaun Ringgit Transaksi Runcit Layak yang dicaj kepada Kad WISE, tergolong di bawah dua (2) Kategori Perbelanjaan terpilih menurut Pendaftaran dan/atau Kategori Bonus. Semua transaksi luar negara dan transaksi yang dilakukan dalam mata wang asing akan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh HLB menurut budi bicaranya yang mutlak.
- (d) HLB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan dalam catatan sebenar Transaksi Runcit Layak dan/atau Pulangan Tunai yang diperolehi semasa Program.
- (e) HLB berhak dari semasa ke semasa, tanpa memberi notis awal, untuk meminda kadar Pulangan Tunai yang diberi menurut budi bicaranya yang mutlak.
- (f) Penetapan Kategori Saudagar dan Kod Kategori Saudagar bagi setiap saudagar adalah bergantung kepada pengelasan oleh bank-bank perolehan masing-masing dan adalah tanggungjawab bank perolehan berkenaan untuk menetapkan Kategori Saudagar dan Kod Kategori Saudagar yang betul. HLB tidak akan bertanggungjawab atas penetapan Kategori Saudagar dan Kod Kategori Saudagar yang tidak betul atau berbeza sehingga menyebabkan tidak tercatatnya Pulangan Tunai bagi transaksi runcit di saudagar yang layak. Pemegang Kad tidak berhak menuntut apa-apa pampasan terhadap HLB kerana tidak tercatatnya Pulangan

Tunai disebabkan penetapan Kategori Saudagar yang tidak betul atau berbeza oleh bank perolehan saudagar masing-masing.

- (g) HLB boleh dari semasa ke semasa, atas budi bicaranya yang mutlak, dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemegang Kad, untuk menukar, meminda, atau mengubah mana-mana Terma dan Syarat ini termasuk Kategori Perbelanjaan, Kategori Bonus dan Saudagar yang layak, Kategori Saudagar dan/atau kadar Pulangan Tunai.
- (h) Jika Pulangan Tunai diberi bagi mana-mana Transaksi Runcit Layak dibalikkan kemudiannya, maka pembalikan sedemikian akan menyebabkan Pulangan Tunai bersamaan turut dibalikkan.

#### **4. Pertukaran Pendaftaran**

- (a) Pemegang Kad Utama diberi pilihan untuk menukar Pendaftaran dengan memilih Kategori Perbelanjaan yang berbeza (tidak termasuk Kategori Bonus) ("Pendaftaran Pindaan"). Bagi setiap pertukaran Kategori Perbelanjaan, yuran penyelenggaraan ("Yuran") satu kali sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) akan dikenakan pada masa pindaan Pendaftaran itu dibuat (tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan).
- (b) Pendaftaran Pindaan akan berkuat kuasa pada 1hb bulan kalendar berikutnya ("Tarikh Kuat Kuasa") tertakluk kepada permohonan Pendaftaran Pindaan itu dibuat pada atau sebelum 25hb bulan kalendar sebelumnya; dan Pendaftaran pertama itu akan secara automatik dinyahaktifkan serentak apabila Pendaftaran Pindaan berkuat kuasa.
- (c) Kategori Bonus tidak boleh diubah oleh Pemegang Kad dan hanya boleh dipinda oleh HLB atas budi bicaranya yang mutlak selaras dengan Terma dan Syarat ini. Pemegang Kad tidak akan dibenarkan pada bila-bila masa, untuk memilih lebih daripada dua (2) Kategori Perbelanjaan bagi Pendaftaran dalam Program.

#### **5. Mata Ganjaran**

Tidak ada mata ganjaran untuk Kad WISE.

#### **6. Nota Khas**

Pelan insurans percuma tidak disediakan secara automatik untuk Kad WISE.

#### **7. Variasi Ciri-ciri Produk**

HLB berhak mengikut budi bicaranya dan dari semasa ke semasa, untuk meminda, menukar atau mengubah sebarang ciri-ciri produk Kad WISE atau menarik balik Kad WISE pada bila-bila masa dengan memberikan notis awal kepada Pemegang Kad dan pindaan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh HLB. Selepas itu HLB boleh, mengikut budi bicaranya, mengirim terus kepada Pemegang Kad atau memaklumpkannya di dalam media umum atau meletakkan notis di ruang perbankan HLB atau di laman sesawang HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau sebarang kaedah lain yang dianggap wajar oleh HLB untuk memaklumkan mengenai penambahan, perubahan atau pemindaan ciri-ciri produk tersebut.